

02/10/1997

Latihan bomba guna teknologi negara maju

Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU, Rabu - Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan menggunakan kepakaran dan teknologi dari Jepun, Austria dan Belanda untuk melatih anggotanya di Pusat Latihan Bomba Wakaf Tapai, Marang.

Tenaga pengajar dari beberapa kolej negara berkenaan sudah menyatakan persetujuan memberikan perkhidmatan di sini apabila pusat latihan yang mampu menampung 2,000 pelatih mula beroperasi akhir tahun depan.

Selain melatih anggota bomba negara ini, pusat latihan itu juga akan melatih anggota bomba dari negara jiran, termasuk Kemboja, Indonesia, Brunei dan Thailand.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Soh Chai Hock, berkata pusat latihan terbesar selain di Kuala Kubu Baru, yang sedang dibina di kawasan 52 hektar dan bernilai lebih RM45 juta.

Katanya, pusat latihan termoden itu akan dilengkapi peralatan canggih itu dijangka siap dan boleh digunakan sebelum tahun 2001.

"Kerja meratakan tapak sedang dilaksanakan kontraktor dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan meletakkan batu asas tidak lama lagi," katanya.

Sehubungan itu, Soh berkata, Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan lebih RM17 juta untuk membina tiga balai bomba daerah di negeri ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

Katanya, tiga balai bomba berkenaan ialah di Kampung Cheneh Baru, Kemaman; Kampung Sekayu, Hulu Terengganu dan di Kampung Santong, Dungun.

Selain itu, katanya, peruntukan itu tidak termasuk kos membina rumah pegawai dan anggota bomba, pembinaan kawasan perumahan itu membabitkan kos RM8 juta.

"Pembinaan kawasan perumahan itu membabitkan balai bomba daerah Setiu dan Dungun, setiap satu bernilai RM1.5 juta manakala RM5 juta lagi untuk balai bomba di Kuala Terengganu," katanya.

Soh berkata, pihaknya juga sedang menjalankan kajian untuk menaikkan taraf dan menyediakan jentera di beberapa balai bomba di seluruh negeri ini.

(END)